

04 SEP 1999
BSKL-MINGGUAN
SAHAM KL DI JANGKA TERUSKAN MOMENTUM MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di jangka meneruskan momentum meningkatnya minggu depan, apabila "episod" 1 Sept, 1999, berlalu tanpa mencetuskan sebarang masalah besar.

"Harga di jangka memantul minggu depan berikutan kegiatan belian yang konsisten," kata seorang penganalisis dengan sebuah syarikat broker saham tempatan.

Beliau berkata kedudukan lebih jualan semasa akan diubahsuai sepenuhnya oleh belian progresif bagi kebanyakan saham selepas penurunan minggu lalu.

Penganalisis itu juga berkata dengan aliran keluar dana portfolio berkurangan selepas penarikan semula levi penghantaran pulang modal portfolio, bursa saham kini bebas daripada ancaman "wang panas".

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada Jumaat, jumlah dana yang dihantar pulang sehingga 3 Sept, 1999 adalah sebanyak AS\$456 juta.

"Bermula daripada sekarang hingga ke hari-hari berikutnya, asas kelihatan baik dan pastinya akan merangsang pasaran.

"BSKL kini seolah-olah seperti bayi yang baru lahir, dibungkus dengan kain putih, tidak terikat dengan sebarang kemungkinan gangguan...", tambahnya.

Perkembangan utama seterusnya di mana pasaran akan mengawasi dengan rapat adalah pembentangan Belanjawan Negara bagi fiskal tahun 2000, yang dijadualkan pada Oktober ini.

Sementara itu, seorang peniaga berkata pasaran saham tempatan akan meningkat minggu depan berikutan prosep kemasukan semula Malaysia ke dalam Indeks Bebas Pasaran Sedang Muncul Morgan Stanley Composite Index (MSCI) pada Februari depan.

Juga, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di simposium sempena ulang tahun pertama kawalan modal yang dikenakan pada 1 Sept, 1998, melahirkan keyakinan bahawa BSKL bersedia untuk memulakan aliran meningkatnya sekali lagi.

Sementara itu, bagi asas minggu-ke-minggu, Indeks Komposit susut 19.47 mata untuk ditutup pada 745.32, Indeks Emas rendah 4.41 mata kepada 193.26 dan Indeks Papan Kedua berkurangan 1.38 mata kepada 162.07 manakala Indeks Perusahaan susut 30.03 mata kepada 1,329.1.

Bagi minggu ini, harga kebanyakannya rendah berikutan kegiatan pengambilan untung berterusan dan jualan asing susulan penamatan tempoh simpanan penghantaran pulang modal asing pada Rabu, 1 Sept, 1999.

Seorang peniaga berkata jangkaan aliran keluar besar-besaran pada tarikh akhir 1 Sept ternyata meleset apabila hari tersebut berlalu tanpa membawa sebarang kesan besar.

Bank Negara Malaysia malahan menyatakan pada Jumaat aliran keluar dana sejak 1 Sept, 1999, minimum dan terhad daripada segi saiz.

Bank pusat menyatakan sejumlah AS\$328.0 juta (RM1.246 bilion) dibawa keluar dari negara pada Rabu, AS\$78 juta (RM296.4 juta) pada Khamis dan AS\$50 juta lagi pada Jumaat.

Di BSKL, jumlah dagangan Papan Utama di pasaran normal berkurangan kepada 1.112 bilion saham bernilai RM2.19 bilion berbanding 1.88 bilion saham bernilai RM3.98 bilion minggu lalu.

Jumlah dagangan Papan Utama susut kepada 1.09 bilion saham bernilai

RM2.13 bilion berbanding 1.84 bilion saham bernilai RM3.89 bilion manakala jumlah dagangan Papan Kedua rendah kepada 22.4 juta saham bernilai RM63.2 juta daripada 34.04 juta saham bernilai RM89.37 juta, sebelumnya.

Urusniaga langsung meningkat kepada 72.78 juta saham bernilai RM235.16 juta berbanding 177.95 juta saham bernilai RM449.02 juta sebelumnya.

Malayan Cement Rights adalah kaunter paling cergas, susut tujuh sen kepada satu sen, Intria rendah tiga sen kepada RM1.14, Magnum berkurangan enam sen kepada RM3.16, Berjaya Group - ICULS Rights turun 11 sen kepada 92 sen, Avenue Assets ICULS susut lima sen kepada 85 sen, Berjaya Group rendah tiga sen kepada RM1.06, Pan Malaysian Industries berkurangan dua sen kepada 94 sen, Suria, bagaimanapun naik 11 sen kepada RM1.82, Malaysian Plantations ICULS 1997/2002 lega lapan sen kepada RM1.59 dan Renong rendah empat sen kepada RM2.43.

Daripada segi jumlah dagangan, Malayan Cement - Rights menyumbang 184.93 juta saham diniagakan, Intria 27.94 juta, Magnum 27.46 juta, Berjaya Group - Rights ICULS 26.96 juta, Avenue C 21.55 juta, Berjaya 20.43, PMI 19.87, Suria 19.35 juta, MPlant-C 18.53 juta dan Renong 17.93 juta.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 27.48 juta saham diniagakan, barangan perusahaan 78.03 juta, pembinaan 68.98 juta, perdagangan/perkhidmatan 257.91 juta, prasarana 3.84 juta, kewangan 106.76 juta, hotel 5.56 juta, harta 137.29 juta, perladangan 22.76 juta, perlombongan 2.84 juta, amanah 171,500, dana tertutup 697,000, pinjaman 80.8 juta, TSR/warrants 83.72 dan dagangan hak 213.64 juta.

Sementara itu, di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebutharga Automasi Malaysia (MESDAQ), Indeks Komposit Mesdaq (MCI), bagaimanapun, ditutup 11.87 mata lebih tinggi pada 87.5, daripada 75.63 pada minggu lalu.

Supercomal, satu-satunya kaunter yang disenaraikan di Mesdaq, naik 38 sen pada RM2.80.

-- BERNAMA

RIZ ZK